

## **WAR 08 KESALAHAN AKHLAK DAN PERKAITANNYA DENGAN FAKTOR KEMATANGAN, KEROHANIAN DAN KESEDARAN KENDIRI INDIVIDU**

**Dr. Tengku Elmi Azlina Tengku Muda (Ph.D), Dr. Nor ‘Adha Binti Abdul Hamid (Ph.D), Azizah Binti Mat Rashid, Norul Huda Binti Bakar, Norashikin binti Azmi.**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

elmiazlina@ukm.edu.my, noradha@kuis.edu.my, azizahrashid@kuis.edu.my,  
norulhuda@kuis.edu.my, puan\_shikin@yahoo.com.

### **ABSTRAK**

Berita dan laporan di media cetak dan media elektronik berkaitan kesalahan akhlak dalam kalangan remaja semakin membimbangkan. Pelbagai kesalahan syariah dipaparkan melibatkan kesalahan zina, khalwat, berkelakuan tidak sopan ditempat awam, sumbang mahram dan lain-lain lagi. Seandainya tidak dibendung ianya akan menyumbang kepada keruntuhan identiti individu, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian kertas kerja ini akan membincangkan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan teretusnya isu kesalahan akhlak dari aspek faktor kecerdasan emosi yang memfokuskan kepada tiga komponen yang terkandung dalam model kecerdasan emosi Goleman-Noriah (2004) iaitu faktor kerohanian, kematangan dan juga kesedaran sendiri individu. Faktor lain berlakunya keruntuhan akhlak turut diperbincangkan. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan iaitu analisis dokumen seperti buku-buku dan artikel-artikel yang berkaitan.

**Kata kunci:** Akhlak, kesedaran sendiri, kerohanian dan kematangan

### **1.0 PENGENALAN**

Masalah keruntuhan akhlak membabitkan pelbagai golongan umur termasuk remaja semakin membimbangkan. Banyak faktor yang mendorong remaja pada masa kini terlibat dengan keruntuhan akhlak. Menurut Abd Rahim (2006), penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial ini berpunca dari faktor dalaman diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Zainal dan Sharani (2004) pula menyatakan pengaruh persekitaran di sekolah juga menjadi punca keruntuhan akhlak di kalangan remaja.

Faktor dalaman dan perkembangan personaliti remaja itu sendiri menjadi faktor teretusnya keruntuhan akhlak seandainya mereka tidak mendapat bimbingan sepenuhnya dalam menghadapi cabaran alam keremajaan. Pada peringkat remaja, mereka mengalami perubahan yang amat pesat sekali, sama ada dari segi fizikal, emosi mahupun sosial sehingga mengakibatkan berlakunya ketegangan dan tekanan emosi dalam diri remaja. Jika mereka membesar dengan menjalani kehidupan yang sempurna, remaja ini akan dapat menyumbang kepada kecemerlangan diri dan negara dan jika sebaliknya mereka menjadi lebih bermasalah. Remaja akan cenderung ke arah melakukan kegiatan keruntuhan akhlak yang tidak sepatutnya mereka lakukan dan menyalahi undang-undang. Golongan remaja seperti ini sebenarnya mengalami kegagalan membina dan mempraktikkan kemahiran kecerdasan emosi sehingga mengalami kecelaruan identiti dan sekaligus terjebak dalam masalah keruntuhan akhlak. Oleh yang demikian menjadi satu keperluan kepada remaja

untuk memiliki kemahiran kecerdasan emosi sebagai satu cara untuk berhadapan dengan cabaran alam remaja.

Apabila berhadapan dengan masalah, pengendalian emosi dilakukan dengan cara yang berbeza bagi setiap individu dan mereka perlu mengendalikan emosi dengan bijak seiring dengan kemahiran kognitif. *Bowell (2004) dan Weisenger (1998)* membuat perkaitan antara emosi dengan pemikiran iaitu apabila individu mula mengaitkan emosi yang dialami dengan pemikiran yang bijak, tindakan yang terhasil menjadi lebih teratur. Jika sebaliknya maka individu tersebut akan mengalami konflik yang boleh menjejaskan kualiti kehidupannya. Dengan lain perkataan apabila berhadapan dengan masalah, remaja perlu bijak mengenalpasti emosi yang dialami, mengaitkan emosi dengan penilaian dan keputusan yang bijak dan akhir sekali tindakan atau tingkahlaku positif akan terbentuk. Kesimpulannya emosi memainkan peranan penting bagi memberi motivasi, mengelola, mengarah dan mengaktifkan tingkahlaku seseorang remaja. Kecerdasan emosi pula merupakan satu ciri trait yang melibatkan kebolehan memberikan perhatian terhadap emosi dalam pelbagai bentuk. *Mayer dan Salovey (1993)* turut menyatakan bahawa kecerdasan emosi membenarkan kita berfikir lebih kreatif dan menggunakan emosi bagi menyelesaikan masalah.

## **2.0 PENYATAAN MASALAH**

Masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak. Pelbagai masalah berkaitan keruntuhan akhlak ekoran daripada kurangan kecekapan remaja dalam mempraktikkan kemahiran kecerdasan emosi yang menjadi sumber kekuatan individu berdepan dengan masalah dan cabaran kehidupan. Kadar penglibatan remaja dalam masalah sosial sebagaimana laporan kajian tingkahlaku remaja Johor yang telah dijalankan kajiannya oleh *Fakulti Sastera dan Sains sosial Malaya (2000)* menunjukkan sebanyak 39.8% remaja terlibat dengan masalah sosial.

Berkaitan dengan kesalahan zina, kajian mendapati bahawa penglibatan remaja perempuan dengan aktiviti seks sangat berisiko untuk mengundang kepada kehamilan luar nikah, HIV dan jangkitan seksual lain (*Sarnon et.al (2012)*). Ekoran seks luar nikah, laporan perangkaan Jabatan Pendaftaran Negara bagi tahun 2000-2008 terdapat 257,000 sijil kelahiran yang didaftarkan tanpa catatan nama bapa. Jumlah tersebut menunjukkan bahawa secara purata terdapat 2500 kes anak luar nikah direkodkan setiap bulan atau 84 kes setiap hari. Pecahan mengikut negeri pula menunjukkan bahawa 70,430 anak luar nikah didaftarkan dengan Selangor mencatatkan bilangan paling tinggi iaitu 12,836 orang bayi diikuti perak (9,7888), Kuala Lumpur (9,439), Sabah (8,435), Negeri Sembilan (4,108), Sarawak (617) dan Terengganu (574). Kaum Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak menunjukkan bilangan tertinggi iaitu 20,949 orang bayi, India (19,581) dan Cina (18,111). Berdasarkan pecahan agama pula menunjukkan 30,798 adalah orang Islam, 18,085 adalah Hindu, 17,236 adalah Budha dan Kristian sejumlah 3,395 orang. (*Portal Berita UKM, Jun 2010*). Laporan rasmi Jabatan Pendaftaran Negara sejak 2008 hingga 2012 mendapati terdapat kira-kira 167,073 bayi yang direkodkan kelahiran tanpa maklumat bapa (*Azizah et.al (2014)*).

*Shaar et.al (2015)* melalui kajiannya berkaitan dengan pengaruh kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan spiritual (SQ) keatas tingkahlaku agresif pelajar menunjukkan bahawa keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja disebabkan tahap kecerdasan emosi dan tahap kecerdasan spiritualnya juga rendah. Dapatan kajiannya juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dengan tingkahlaku agresif atau keruntuhan akhlak remaja.

Zainuddin et.al (2011) mengkaji berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dengan masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka menunjukkan faktor diri sendiri (kesedaran sendiri) paling mempengaruhi responden terlibat dengan masalah sosial. Kes khalwat membabitkan golongan belia mencatatkan angka tertinggi dalam kesalahan jenayah syariah berdasarkan rekod Jabatan Agama Islam Selangor iaitu 1,734 kes pada tahun 2011 dan 1.783 kes pada tahun 2010 dan kebanyakan mangsa adalah belia berumur 20 hingga 30 tahun ( Sinar Harian, Mac 2012).

Che Latifah et.al (2008) telah menjalankan kajian berkaitan dengan jenayah syariah dalam kalangan remaja di Perlis. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti kesalahan jenayah syariah yang dilakukan oleh remaja. Kajian ditumpukan kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan berdasarkan peruntukan dalam Enakmen Jenayah Dalam Syarak Negeri Perlis, 1991. Remaja yang menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah yang berumur 13 hingga 21 tahun. Kajian telah dilakukan dengan meneliti fail-fail kes bagi tahun 2000 hingga 2005. Hasil kajian ini mendapati sepanjang tempoh tersebut, kesalahan di bawah Seksyen 9 (Khalwat) merupakan kes tertinggi yang dicatatkan. Namun demikian, kes khalwat bagi tahun 2004 menunjukkan pelajar Institusi pengajian tinggi mencatatkan rekod tertinggi iaitu seramai 7 daripada 26 pesalah. Remaja perempuan didapati lebih banyak terlibat dalam kesalahan jenayah syariah, misalnya daripada 240 kes yang direkodkan pada tahun 2005, seramai 119 pesalah adalah wanita.

### **3.0 KAJIAN BERKAITAN KESALAHAN DI BAWAH JENAYAH SYARIAH**

#### **3.1 Perbuatan Sumbang Mahram**

Sumbang mahram atau incest adalah perbuatan pencabulan seks yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga atau dalam konteks yang lain seks yang berlaku dalam kalangan muhrim atau mahram. Pencabulan seks disini juga bermaksud sebarang kegiatan seksual yang tidak difahami atau tidak rela oleh mangsa perlakuan seks atau perlakuan seks yang melanggar norma sosial. Kategori perlakuan seks tersebut kemungkinan mulut-kemaluan (oral-genital) atau dubur-kemaluan iaitu liwat, kemaluan-kemaluan (genital-genital) antara orang dewasa dan kanak-kanak, onani bersama, mendedahkan kemaluan (exhibitionism) dan menggunakan kanak-kanak untuk pornografi.

Masalah sumbang mahram wujud disebabkan oleh beberapa faktor seperti pendidikan agama, moral serta kurangnya ilmu pengetahuan yang mendalam mengenai isu seksual bagi mangsa dan kurangnya pengetahuan mengenai hukuman yang bakal diterima oleh pemangsa. Faktor tekanan dalam diri individu itu sendiri dan persekitaran dalam lingkungan yang mendorong perbuatan tersebut juga memberi sumbangan kepada perbuatan terkutuk ini. Kajian daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati gejala bapa haruan semakin menular dalam masyarakat dalam negara ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti kegagalan isteri memberi kepuasan batin terhadap suami tetapi enggan membenarkannya berkahwin lain dan suami yang kurang beriman menjadi hilang pedoman dan pertimbangan disebabkan kongkongan isteri tersebut dan mencari jalan keluar yang kotor dengan menodai anak dan cucu sendiri.

Berdasarkan sumber Jabatan Agama Johor (2004) jumlah jenayah sumbang mahram dalam kalangan ahli keluarga menunjukkan pertalian sebagai bapa menunjukkan jumlah tertinggi iaitu 401 kes diikuti oleh bapa saudara (231 kes). Seterusnya pertalian sebagai abang

kandung menunjukkan jumlah ketiga tertinggi iaitu 90 kes, sepupu (82 kes), saudara (44 kes), datuk (35 kes), datuk saudara (19 kes) dan akhir sekali adik (5 kes).

Data jumlah jenayah sumbang mahram jabatan agama Johor (2006) dalam kalangan keluarga yang tiada pertalian keluarga pula menunjukkan pertalian sebagai bapa tiri menunjukkan jumlah tertinggi iaitu 251 kes, diikuti abang/abang ipar (119 kes), bapa angkat 36 kes, abang tiri (29 kes), abang angkat (16 kes), datuk tiri (7 kes) bapa mertua (5 kes), anak tiri (1 kes). Menurut yayasan pencegahan jenayah Malaysia, sebanyak 54.9% mangsa adalah berumur antara berumur antara 11-15 tahun, diikuti dengan usia antara 6 hingga 10 tahun (14.6%), usia 16 hingga 20 tahun (12.2%), dan sebanyak 1.2% mangsa adalah berumur kurang dari 6 tahun. Menurut Ass. Supt. Halimah Khawaludin (2002), berdasarkan umur mangsa, kebanyakan mangsa sumbang mahram tidak mempunyai pengetahuan seks dan menganggap sebagai ianya tanda hukuman dan kasih sayang ahli keluarga terhadap mereka.

Berdasarkan statistik jenayah negara pada tahun 2001, daripada 158 kes sumbang mahram yang dilaporkan, sebanyak 110 kes melibatkan kaum melayu. Kajian Siti Fatimah (2002) juga mendapati kes yang paling tinggi melibatkan kaum melayu iaitu sebanyak 89%. Perangkaan Polis Diraja Malaysia menunjukkan bahawa daripada 1369 kes sumbang mahram yang dilaporkan di Malaysia dari tahun 1998 hingga 2002, 974 kes atau 71.2% adalah melibatkan bangsa melayu di Kelantan dan kesemua kes melibatkan pelakunya adalah bangsa melayu (Maheran & Mursida, 2004).

### **3.2 Pelacuran**

Pelacuran adalah penjualan khidmat seksual, seperti seks oral atau hubungan seks, biasanya untuk wang, namun kadang-kadang juga untuk dadah, barang kemas ataupun hartanah. Kegiatan pelacuran membabitkan golongan wanita tempatan dikesan meningkat hampir 70 peratus iaitu daripada 1,060 orang pada 2010 kepada 1,801 orang pada tahun 2011. Statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu menunjukkan kaum Cina merekod jumlah seramai 333 orang diikuti Melayu (213 orang), India (83 orang) dan lain-lain kaum (430 orang). Kajian mendapati faktor kesempitan hidup dan keinginan untuk meraih pendapatan tinggi dengan cara mudah dan cepat selain kepincangan dalam institusi kekeluargaan merupakan punca utama menyumbang kegiatan pelacuran membabitkan wanita tempatan (Utusan Malaysia 30 Jan (2012)

Kajian lima tahun oleh pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Lukman @ Zawawi Muhammad Lukman mendapati, usia 'bapa ayam' atau individu yang mengawal pelacur kanak-kanak juga semakin muda iaitu antara 18 hingga 20 tahun. Dalam kajiannya yang bertajuk 'Kanak-kanak Dalam Pelacuran' turut menemui kes pelacuran yang diwarisi sesebuah keluarga selama tiga generasi sejak sebelum merdeka iaitu daripada ibu kepada anak dan seterusnya kepada cucu. Hasil kajiannya yang dilakukannya di seluruh negara itu juga menemui kes seorang ibu menyuruh anak perempuannya berusia 11 tahun melakukan hubungan seks kali pertama bersama teman lelaknya. (Berita minggu, 2010)

Mengikut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 4,315 kes kanak kanak berusia bawah 18 tahun terbabit dalam pelacuran antara 1995 hingga 1999. Jumlah itu adalah kes yang berjaya di selamatkan. Mereka tidak meminta menjadi pelacur tetapi dipaksa termasuk ibu mereka yang juga pelacur. Menurut kajian itu juga kebanyakan kanak kanak terbabit

bukanlah daripada keluarga miskin tetapi sederhana yang mana ibubapa mereka memiliki pekerjaan stabil di bandar.

Kajian pelacuran ke atas kanak-kanak juga menunjukkan 63 responden berumur antara sembilan hingga lapan belas tahun. Lebih 80% diantara mereka tidak bersekolah, mangsa penderaan (emosi, fizikal, seksual), memendam kemarahan dan pernah lari dari rumah. Selain daripada itu, lebih 70% adalah mangsa perceraian ibubapa, keganasan rumahtangga, terdedah kepada seks oleh orang yang mereka kenali dan melakukan aktiviti pelacuran dengan kawalan orang tertentu. Lebih 60% mengambil alkohol sebagai salah satu cara untuk melupakan penderaan ketika pelacuran serta tidak menggunakan ubat pencegah kehamilan ketika pelacuran. 40% hingga 60% mengaku melacur setiap hari dengan terpaksa melayan enam hingga 10 lelaki setiap hari.

### **3.3 Hamil Luar Nikah**

Takrif hamil luar nikah adalah mengandung sebelum berkahwin dan hubungan seks telah berlaku diantara dua pasangan yang tidak mempunyai pertalian nikah yang sah. Permasalahan hamil luar nikah dalam kalangan remaja mempunyai kaitan dengan cara didikan ibubapa yang tidak membuat pemantauan dan memberi perhatian kepada remaja. Menurut Selvaratnam, Nor Aini & Norlaila (2010), faktor modenisasi dan kesibukan menjana kewangan keluarga menjejaskan hubungan kekeluargaan. Ahli keluarga lebih mementingkan materialistik berbanding mencari kaedah mencapai hubungan kekeluargaan yang harmoni sebagaimana objektif kehidupan sesebuah keluarga.

Gejala seks bebas di kalangan remaja mengakibatkan banyak kesan buruk terutamanya kehamilan yang tidak diingini lantas membawa kepada gangguan emosi, kemurungan, membunuh diri, pembuangan bayi, kelahiran yang tidak selamat, jangkitan penyakit kelamin dan sebagainya. Gejala seks bebas bukan sahaja membabitkan gadis bawah umur yang cetek pengetahuan, tetapi juga gadis berpendidikan tinggi. Merujuk kepada rekod pusat pemulihan akhlak Raudatus Sakinah, separuh daripada penghuninya adalah pelajar institusi pengajian tinggi yang membuktikan gadis terpelajar turut mudah terjerumus dalam gejala ini. (Berita Harian, 2009)

Khadijah Alavi et.al (2012) dalam kajiannya berkaitan hamil luar nikah dalam kalangan remaja mendapati keluarga merupakan faktor utama pembentukan sahsiah dan kesejahteraan psikologi remaja. Kajiannya memberi fokus kepada aspek tingkahlaku ibubapa dan pengalaman remaja yang hamil luar nikah dan sampel kajian terdiri daripada 6 orang remaja hamil luar nikah di taman Seri Puteri Cheras. Hasil kajian mendapati remaja yang hamil luar nikah tidak mempunyai perapatan dengan ibubapa, persekitaran tempat tinggal, pengaruh rakan sebaya dan pendedahan kepada aktiviti seksual dalam internet mendedahkan mereka kepada aktiviti seksual yang tidak sihat dan akhirnya hamil luar nikah.

Hasil kajiannya juga menunjukkan bahawa dari segi profil responden dan ibubapa, keseluruhannya majoriti berbangsa melayu, tidak berpendidikan tinggi, ibu tunggal, anak pasangan ibubapa yang bercerai, masalah kewangan keluarga dan kurang kasih sayang dari keluarga. Hal ini menyebabkan anak-anak remaja mencari rakan sebaya sebagai tempat meluahkan masalah dan mendapatkan perhatian. Hubungan anak-anak dengan ibubapa yang renggang menyebabkan kurangnya komunikasi dalam keluarga menyebabkan remaja berani keluar rumah untuk melakukan aktiviti seksual. Menurut Hashim et.al (2008), komunikasi

dua hala amat penting dalam membendung aktiviti salah laku seksual remaja dimana remaja menjadi rakan kepada ibubapa. Hasil temubual dengan remaja hamil luar nikah menunjukkan bahawa mereka tidak mendapat perhatian dan kasih sayang akibat ibubapa sibuk dengan tugas harian. Ini dapat dibuktikan melalui kata-katanya:

*...tak cerita pun masalah dekat mak..saya hanya menangis..kalau cerita pun dekat mak saudara sebab saya lebih rapat dengan dia..*

Hasil kajian dari segi pengaruh rakan sebaya dan internet menunjukkan bahawa remaja lebih banyak habiskan masa dengan kawan-kawan dan akhirnya terlibat dengan salahlaku seksual. Antara kata-kata berdasarkan hasil temubual:

*...saya mengetahui mengenai seks masa form 1 la..sebelum tu tak lagi...masuk sekolah menengah startlah..*

*...ada juga kadang-kadang tukar CD dengan kawan..kawan beli CD seks dan bertukar-tukar dengan saya..*

*...sejak umur 12 tahun saya mula kenal kawan-kawan..keluar bersama..mereka ajak tengok video semua...mula masuk menengahlah..duduk asrama..ramai kawan-kawan bercerita benda tu lah..*

*..dapat dari internet..kakak bukak kedai komputer..lepas tu saya pergi dan search benda tu lah..*

Selain keluarga, rakan sebaya juga merupakan salah satu faktor remaja terjerumus dalam kes hamil luar nikah. Ini kerana remaja mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam pembinaan keperibadian diri dan identiti diri. Pergaulan dengan rakan sebaya yang bermasalah dan sering melakukan tindakan diluar batasan keagamaan akan menjerumuskan remaja ke arah seks bebas dan akhirnya membuang bayi. Menurut Hashim et.al (2008), remaja yang mengandung luar nikah terpaksa membuang bayi kerana terdesak, rasa malu, takut rahsia terbongkar dan juga tindakan undang-undang dan akhirnya mengambil langkah membuang bayi.

Kajian Siti Salwani (2009) mendapati bahawa salahlaku seksual yang dilakukan oleh 105 responden adalah disebabkan oleh terpengaruh dengan pornografi, perasaan ingin tahu, paksaan atas dasar cinta terhadap pasangan, pelbagai bahan lucu dan sebagai mendorong kepada remaja terlibat dengan aktiviti seksual. Kajian Suria (2005) pula menyatakan bahawa remaja kurang maklumat mengenai risiko seks dan sering mencuba tanpa memikirkan impak kesihatan dan masa depan. Seterusnya pegangan agama dan nilai moral juga menjadi penyebab kepada salah laku seksual. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden tidak berpegang kepada agama dengan tidak mendirikan solat dan ibubapa tidak ambil kisah sekalipun tidak menunaikan solat.

*...mak ayah memang tegur bab agama,,mereka jaga,,mereka marahlah kalau tidak solat..tapi kalau tak buat..mak ayah tak marah, diam je...tak cakap apapun..*

### **3.4 Persetubuhan Di Luar Hukum Tabii**

Sejak tahun 2006, kes yang melibatkan kesalahan jenayah seksual luar tabii semakin meningkat dan mangsa kebanyakannya remaja yang berumur bawah 18 tahun. Bermula pada tahun 2006 hingga tahun 2009, sebanyak 716 kes dilaporkan dan 411 kes terdiri dari [ada pelajar sekolah dan penuntut kolej. Menurut kata Pegawai Siasatan Seksual/Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, ASP Suraini Hussain, dalam tempoh tahun tersebut terdapat dua kes yang membabitkan jenayah seksual luar tabii yang dilakukan

terhadap binatang. Keseluruhannya pada tahun 2006, sebanyak 180 kes jenayah seksual luar tabii dilaporkan, meningkat 51 kes pada 2007 menjadikannya 231 kes, dan bertambah 12 kes lagi pada 2008 menjadikannya 243 kes.

Prof Madya Dr Mariani Md Nor dari Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, berkata gejala seksual luar tabii dilakukan untuk mendapat lebih keseronokan dan kepuasan terutama apabila perlakuan seks itu menyakitkan orang lain. Katanya dari kajian yang dilakukan, kebanyakan pelaku seksual luar tabii mempunyai pengalaman hitam dalam hidup seperti pernah melalui kesakitan atau diperlakukan dengan kejam sehingga menjadikannya seorang pendendam. Sebab lain ialah tidak mencapai kepuasan dalam hubungan seks biasa seperti dalam perkahwinan, jadi apabila ada ruang dan peluang di depan mata, mereka menggunakannya untuk mencapai kepuasan tersebut. Dr Mariani berkata paparan melalui media selain filem dan drama mengenai kisah hubungan luar tabii turut memberi rangsangan kepada golongan berkenaan.

Berdasarkan kajian dan kesalahan-kesalahan syariah yang membabitkan remaja diatas menunjukkan bahawa tindakan dan kesedaran dari semua pihak amat diperlukan bagi membendung masalah tersebut daripada terus berleluasa. Punca permasalahan perlu dikenalpasti sebelum langkah bersesuaian dilakukan.

#### **4.0 PERKAITAN FAKTOR KECERDASAN EMOSI DENGAN KERUNTUHAN AKHLAK**

Noriah (2005) berpendapat bahawa kecerdasan emosi merupakan satu set kompetensi atau kemahiran berarahkan emosi yang membolehkan seseorang menguruskan kehidupan mereka dengan baik. Kecerdasan emosi dapat menampung banyak sifat-sifat yang membuat kita menjadi lebih manusiawi (Mohd Azhar, 2004).

Berdasarkan komponen kecerdasan emosi Goleman-Noriah (2005) terdapat tujuh komponen kecerdasan emosi yang menjadi faktor kepada pembentukan personaliti dan tingkahlaku manusia. Rendah atau tinggi tahap kemahiran bagi setiap komponen tersebut memberi kesan kepada pembentukan personaliti dan kemahiran membuat keputusan remaja. Komponen tersebut adalah kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan. Namun demikian, perbincangan kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada tiga komponen kecerdasan emosi iaitu kesedaran sendiri, kerohanian dan kematangan.

#### **4.1 Faktor Kerohanian diri dan pembentukan akhlak remaja**

Kerohanian merupakan salah satu aspek yang membentuk kecerdasan emosi manusia sebagaimana yang diketengahkan dalam Model Kecerdasan Emosi Goleman-Noriah (2005). Kerohanian dikaitkan dengan konsep keredhaan, rasa bertanggungjawab kepada pencipta dan menghayati nilai-nilai agama dalam menghadapi masalah kehidupan seharian. Berdasarkan kes-kes kesalahan akhlak yang berlaku dalam kalangan remaja seperti hamil luar nikah, zina, pelacuran dan sebagainya menunjukkan bahawa kurangnya penerapan nilai agama sejak kecil yang akhirnya membawa kesan terhadap perkembangan personaliti hingga remaja dan dewasa. Kurangnya amalan kerohanian menyebabkan seseorang remaja mudah resah apabila berhadapan dengan permasalahan seperti ujian kemiskinan, merasakan nasib diri lebih teruk dan tidak ada jalan penyelesaian lagi terhadap masalah dan akhirnya mengambil keputusan untuk terlibat dengan kes pelacuran. Keinginan atau niat untuk

mencapai kesenangan hidup dengan cara yang paling mudah dan singkat menyebabkan mereka tidak merasa bersalah dengan pencipta. Mereka merasakan bahawa memilih kerjaya pelacuran sebagai punca rezeki adalah jalan terbaik tanpa menghiraukan masalah kesihatan diri yang mungkin berlaku akibat gejala seks yang tidak sihat. Begitu juga dengan masalah akhlak yang lain seperti zina yang akhirnya menyebabkan hamil luar nikah dan lebih teruk lagi berlaku pengguguran dan pembuangan bayi adalah disebabkan oleh kurangnya penerapan dan kesedaran kerohanian dalam diri remaja.

Kehidupan harian penuh dengan maksiat dan pergaulan bebas tanpa mendapat bimbingan daripada ibubapa dan masyarakat menyebabkan remaja terus hanyut dalam dunia sendiri tanpa mempedulikan sebarang risiko yang bakal dihadapi. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa hanya dengan adanya kesedaran kerohanian yang tinggi terhadap tujuan utama (niat), tanggungjawab dan rendah diri sebagai hamba Allah akan membimbing remaja untuk berhati-hati dan sentiasa berada di atas landasan yang betul ketika berhadapan dengan apa jua masalah dan dugaan. Mereka juga sentiasa kelihatan tenang, berhati-hati dan tidak mengenal erti putus asa, walaupun terpaksa berhadapan dengan situasi kegagalan atau kekecewaan. Kecekapan kerohanian sebenarnya boleh dipupuk dan dilatih dan hasilnya akan menyebabkan manusia dapat merasa bahagia dan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan tanpa rasa tertekan oleh pihak lain (Yosep, 2005).

#### **4.2 Faktor Kematangan Diri dan Pembentukan Akhlak Remaja**

Kematangan bermaksud kemahiran individu menyelesaikan masalah atau membuat keputusan yang tepat berpandukan pemikiran rasional. Menurut Noriah (2005), kematangan menggambarkan kebolehan remaja menggunakan pengalaman hidup sebagai panduan untuk menyelesaikan masalah. Aspek kematangan ini boleh dilihat daripada beberapa sudut iaitu: sudut usia, pengalaman dan pengetahuan remaja. Kajian yang dijalankan oleh Wan Ashiba (2004) menunjukkan bahawa seseorang itu akan menjadi lebih matang apabila usia mereka meningkat. Kematangan tersebut membantu seseorang memproses maklumat dengan lebih baik serta mengambil iktibar daripada maklumat tersebut.

Remaja yang mempunyai kematangan yang tinggi dikatakan dapat mengawal tingkah laku dengan lebih baik terutama apabila mereka meningkat usia. Usia yang meningkat juga akan dapat membantu mereka untuk melakukan muhasabah diri untuk mengenal kelemahan dan kekuatan diri masing-masing. Kajian yang dijalankan oleh Noriah et al. (2004) dan Syafrimen (2004) menunjukkan bahawa seseorang yang mempunyai kematangan yang tinggi juga mempunyai kebolehan melakukan regulasi sendiri yang tinggi.

Pengalaman juga boleh membantu remaja belajar dan seterusnya menggunakan hasil pembelajaran tersebut apabila dalam keadaan konflik dengan diri atau orang lain. Pengalaman lepas dianggap sebagai contoh atau tauladan. Kematangan juga dikaitkan dengan sifat tabah dan sabar ketika menghadapi situasi mencabar dengan menjadikan pengalaman lampau sebagai iktibar dan pengajaran. Menurut M.Uthman (1985) apabila manusia mencapai peringkat kematangan yang tinggi, hati sanubarinya akan mulai terjaga. Justeru, pengalaman positif atau negatif yang dialami oleh remaja sepanjang kehidupan yang dilalui dapat meningkatkan kematangan, khasnya ketika membuat pertimbangan terhadap sesuatu keputusan. Faktor usia, pengetahuan dan pengalaman boleh menyumbang kepada faktor kematangan remaja. Peningkatan kepada ketiga-tiga faktor tersebut boleh membantu remaja dalam proses refleksi atau muhasabah diri terhadap perkara yang telah berlaku bagi mengenal pasti kekuatan dan kekurangan diri. Menurut Bradberry dan Greaves (2005):



*“emotional intelligence scores tend to increase with age. Most people increase in self-awareness through-out their lifetime and have an easier time managing their emotions and behaviour as they age”*

Melihat kepada isu masalah akhlak yang berlaku, jelaslah faktor kematangan diri remaja yang rendah menjadi salah satu penyebab remaja mudah terdedah dengan masalah sosial. Hanya remaja yang sering mendapat bimbingan dan hidup dalam persekitaran positif mampu hidup dengan lebih cemerlang. Namun demikian, remaja dengan usia yang makin meningkat dan pengalaman yang makin bertambah membolehkan remaja belajar dari kesilapan dan membentuk gaya hidup yang lebih baik. Berkaitan dengan remaja yang terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak, cabaran alam keremajaan itu sendiri amat memerlukan kekuatan remaja sekaligus bimbingan dari ibubapa untuk menghadapinya. Secara lazimnya proses melalui perkembangan keremajaan iaitu umur antara 13 hingga 21 tahun merupakan satu usia yang mengalami perubahan hormon dan pertumbuhan fizikal yang pesat. Selain daripada itu pertumbuhan emosi remaja yang belum mencapai tahap kematangan sepenuhnya juga mempunyai peranan yang sangat besar dalam membentuk identiti dan kemahiran membuat keputusan. Secara jelasnya pemikiran remaja yang belum cukup matang untuk berfikir secara rasional, logik dan objektif menyebabkan tingkahlaku remaja lebih dikuasai dan dipengaruhi oleh emosinya. Remaja juga mengalami krisis identiti untuk mencari siapa diri mereka, apa yang mereka kehendaki dalam hidup dan nilai yang menjadi pegangan. Suasana persekitaran samada positif dan negatif juga mempengaruhi dan membentuk tindak tanduk remaja. Tiga emosi yang terlibat iaitu marah, takut dan gembira akan mempengaruhi remaja dalam membentuk identiti dan membuat keputusan.

Remaja yang dicabar kehendak dan keperluan yang diingini akan membangkitkan emosi kemarahan yang akhirnya dengan emosi yang kurang matang menyebabkan mereka cenderung untuk bertindak mengikut perasaan dan akhirnya terjebak dalam isu keruntuhan akhlak. Remaja yang diselubungi perasaan takut akibat peristiwa dan pengalaman masa lampau juga memberi kesan pada personaliti tidak yakin diri dan sesal dengan kehidupan. Namun demikian ianya sebaliknya bagi remaja yang kehidupannya dipenuhi dengan emosi yang gembira dan hidup penuh dengan kasih sayang dan penghargaan. Sudah tentu remaja tersebut terserlah potensinya selaras dengan pertumbuhan emosi.

Melihat kepada perkembangan remaja dan pergolakan emosi yang dialami, menjadi tanggungjawab semua pihak untuk menangani dan membantu remaja berkembang dalam persekitaran yang positif, diberi pendedahan minda yang berterusan, dibentuk dan dibimbing buruk baik sesuatu tingkahlaku dengan sempurna. Tujuannya adalah sama-sama berganding bahu bagi membentuk remaja yang berkaliber dan cemerlang sekaligus dapat menangani masalah keterlibatan remaja dalam kancah yang tidak sihat.

### **4.3 Faktor Kesedaran Kendiri dan Pembentukan Akhlak Remaja**

Kesedaran kendiri adalah kebolehan mengetahui keadaan dalaman, pilihan yang ingin dilakukan, sumber-sumber dan intuisi yang ada dalam diri remaja. Komponen ini mempunyai empat subdomain iaitu kesedaran emosi, penilaian kendiri yang tepat, keyakinan diri dan niat yang baik. Remaja yang mempunyai kesedaran kendiri yang tinggi akan berupaya mengenal pasti emosi yang wujud dalam diri mereka dan kesan emosi mereka terhadap tingkahlaku diri. Mereka juga boleh merasakan perasaan yang bergolak dalam dirinya serta dapat membuat perkaitan antara fikiran, tingkah laku dan emosi. Ini akan dapat membantu remaja menjadi individu yang lebih kongruen dan juga mempunyai keupayaan untuk mengetahui kekuatan

dan kelemahan dirinya dan dapat menghargai kelebihan dan kekurangan diri. Mereka juga sentiasa terbuka dalam menerima maklumbalas dan teguran orang lain. Segala idea dan pandangan dijadikan pembelajaran untuk mengembangkan potensi diri sekaligus dapat menghindarkan diri dari terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak.

#### **i) Kesedaran emosi**

Kesedaran emosi merupakan keupayaan seseorang untuk mengenal pasti emosi yang wujud dalam diri, punca dan kesannya terhadap prestasi diri. Remaja yang mempunyai kesedaran emosi yang tinggi mampu merasakan perasaan yang sedang bergolak dalam dirinya (sama ada sedang sedih, kecewa, marah dan sebagainya) dan menghubungkannya dengan pemikiran, perlakuan dan perkataan (Greenberg 2004). Masalah keruntuhan akhlak remaja contohnya zina dan pelacuran adalah kesan daripada kurangnya kecekapan remaja mengenalpasti emosi yang sedang dialami dan mengaitkan kesan emosi tersebut terhadap pemikiran dan tingkahlaku. Gejala pelacuran misalnya, emosi remaja yang merasa tidak puas hati atau marah dengan kesukaran hidup yang dialami akan memberi kesan kepada pemikiran iaitu merasa diri tidak berguna dan takdir hidup yang tidak baik, tidak disayangi pencipta dan sebagainya akhirnya memberi kesan pada tingkahlaku pelacuran sebagai jalan atau pilihan menjalani hidup yang terbaik. Seandainya remaja tersebut dapat mengenalpasti emosi yang dialami adalah sedih tetapi diselangi dengan konsep keredhaan diri sudah tentu akan membentuk pemikiran dan tingkahlaku yang lebih positif. Begitu juga dengan masalah keruntuhan akhlak berkaitan zina. Masalah kurangnya kasih sayang yang diperolehi dari orang-orang yang terdekat akan membentuk emosi marah dan sedih dan akhirnya membentuk pemikiran merasakan diri tidak disayangi. Seterusnya akan membentuk tingkahlaku mencari kasih sayang dengan individu lain yang akhirnya dengan amalan kerohanian yang berkurangan akan menjerumuskan remaja ke arah maksiat dan penzinaan. Oleh yang demikian kecekapan kesedaran emosi dan mengaitkan dengan pemikiran dan tingkahlaku yang bersesuaian dapat menghindarkan remaja terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak.

#### **ii) Ketepatan Penilaian sendiri**

Kecekapan penilaian sendiri yang tepat merujuk kepada keupayaan untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan diri seseorang remaja. Kesedaran tentang kebolehan ini diperolehi menerusi amalan refleksi sendiri secara jujur. Individu yang mengenali dan menerima kekuatan serta kelemahan diri sendiri akan dapat menghargai kelebihan dan kekurangan orang lain (Goleman 1998). Kesedaran ini akan mendorong remaja untuk memperbaiki kelemahan diri sendiri dengan bersikap lebih terbuka dan menerima pandangan dan kritikan daripada sesiapa sahaja. Keterbukaan dalam menerima maklum balas secara terus terang dan kesediaan melihat sesuatu idea atau pandangan dari perspektif yang baru boleh menjadikan remaja seorang yang optimistik. Hal ini dianggap sebagai pembelajaran sepanjang hayat yang dilakukan untuk mengembangkan potensi sendiri. Ekoran dari isu keruntuhan akhlak, remaja perlu mempunyai satu keupayaan untuk menilai diri dengan tepat dari segi kelebihan dan kekurangan diri. Apa yang menjadi masalah adalah apabila berhadapan dengan sesuatu masalah remaja lebih melihat kekurangan diri tanpa dapat menilai aspek kelebihan yang ada bagi membolehkan mereka mengembangkan potensi berdasarkan kelebihan yang dimiliki. Melihat kepada kekurangan diri menjadikan remaja merasa kecewa dengan kehidupan dan cuba mencari ketenangan dengan terlibat dengan masalah sosial walaupun mereka tahu risiko yang akan diterima. Remaja juga perlu bersedia dengan sebarang teguran membina atas setiap kesilapan yang dilakukan bagi tujuan membina semula kejayaan diri dan kejayaan masa depan. Mereka perlu membina satu pegangan hidup bahawa setiap manusia ada

kelebihan dan kekurangan dan apa yang penting adalah bagaimana mengatasi kekurangan diri dan bagaimana cara untuk mengenalpasti dan menggunakan kelebihan diri. Dengan cara demikian, remaja akan terbina minda dan tingkahlaku yang positif.

### **iii) Keyakinan Diri**

Keyakinan diri menggambarkan keupayaan remaja untuk menghargai diri sendiri atau percaya akan kebolehan diri dalam apa saja yang dilaksanakan. Keyakinan diri akan meningkatkan kepercayaan dan aspirasi untuk merancang langkah-langkah kejayaan. Remaja yang mempunyai nilai diri yang tinggi dan sentiasa berpegang kepada prinsip hidupnya tanpa mudah terpengaruh dengan gaya hidup orang lain. Dalam hal ini remaja perlu mempunyai satu kekuatan bahawa apa jua masalah dan cabaran yang dihadapi mampu di cari jalan penyelesaiannya. Mereka yakin dengan potensi yang mereka ada dan menggunakan potensi tersebut untuk mencipta kejayaan diri. Remaja yang cemerlang adalah remaja yang tahu potensi diri dan bagaimana menggunakan potensi tersebut. Mereka juga perlu tegas dengan sebarang ajakan rakan-rakan sekiranya merasakan penerimaan terhadap pelawaan tersebut boleh membawa mereka kearah masalah keruntuhan akhlak.

### **iv) Niat**

Menggambarkan gerak hati seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan. Niat yang baik terdapat daripada celik akal dan dibina sebelum sesuatu tindakan dimulakan. Individu yang mempunyai niat yang baik akan menjadi lebih terarah dan telus dalam menjalankan tindakannya (Noriah,2005). Dalam membentuk diri remaja yang memiliki personaliti yang cemerlang, mereka perlu analisa diri sejauhmana tindakan yang dibuat. Adakah dengan niat yang betul dan di landasan yang betul?. Hanya dengan niat yang baik akan memudahkan lagi perjalanan kehidupan seterusnya.

## **5.0 KESIMPULAN**

Cabaran masalah remaja dan kesannya terhadap keruntuhan akhlak yang semakin membimbangkan memerlukan kerjasama dan pemahaman dari pihak ibubapa dan masyarakat. Ibubapa perlu meletakkan keperluan memberi kasih sayang pada keluarga adalah satu keperluan yang perlu diutamakan kerana runtuhnya institusi keluarga maka runtuhlah kesempurnaan akhlak anak-anak. Pelbagai faktor yang menjadi punca masalah keruntuhan akhlak remaja samada disebabkan faktor diri remaja itu sendiri ataupun faktor luaran. Apa yang perlu diberi perhatian adalah keterlibatan remaja dalam masalah keruntuhan akhlak di peringkat awal usia remaja. Oleh yang demikian jalan penyelesaian berdasarkan faktor pencetusnya perlu dilaksanakan demi melahirkan remaja yang cemerlang.

## **RUJUKAN**

- Ainul Bashirah, Zuliza & Mat Noor. 2012. Kesalahan khalwat dan perbuatan tidak sopan dan hukumannya menurut Islam. *Jurnal Hadhari* 4 (2) : 65-68
- Goleman, D.1996. *Emotional Intelligence: Why it can matter more than IQ*.London: Bloomsbury Publishing.
- Goleman,D.1998.*Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goleman,D.1995. *Emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goleman,D.1999.*Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Books
- Goleman.D.2002. *The New Leaders, Transforming The Art Of Leadership Into The Science Of Results*. Little Brown: Britain
- Greenberg, L.S. 2004. *Emotion-focused therapy. Clinical Psychology and Psychotherapy*Clin. Psychol. Psychother 11:3-16.
- Mayer, J.D. & Salovey, P.1993. *The intelligence of emotional intelligence*. *Intelligence* 17: 433-442.
- Mayer, J.D. & Salovey, P.1990. *Emotional intelligence. Imagination, Cognition and personality* 9: 185-211.
- Noriah Mohd Ishak. 2005. *Kecerdasan emosi: Kompetensi utama di kalangan kaunselor-Satu kemungkinan*. Prosiding 2. Seminar Kaunseling Kementerian Pelajaran Malaysia Kali Kedua. Hotel City Bayview, Langkawi, Kedah Darul Aman. 30 Mei-2 Jun.
- Noriah Mohd Ishak. 2005. *Pengurusan kecerdasan emosi (KE) dan pembangunan sendiri pelajar*. Seminar pengetahuan kebangsaan. Auditorium Kampus Kota, Universiti Malaya. 11 &12 Mei.
- Rorlinda Yusof.2009. *Kecerdasan emosi, efikasi sendiri dan sumbangan terhadap komitmen tugas guru kaunseling sekolah menengah*. Tesis Dr.Fal.Fakulti Pendidikan,Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Shaar. 2014. Pengaruh kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan spiritual (SQ) ke atas tingkah laku agresif pelajar. Prosiding. International Social Development Conference 2014 (ISDC 2014). Bayview Hotel Langkawi, Malaysia. 12-13 August
- Zainuddin Sharif & Norazman. 2011. Faktor-faktor remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counselling*. Vol 1 : 115-140

[www.eprints.utm.my/10444/1/Permasalahan Sosial di Kalangan Remaja.pdf](http://www.eprints.utm.my/10444/1/Permasalahan_Sosial_di_Kalangan_Remaja.pdf)